



MESIR BERDARAH KEMBALI

Pada hari Rabu 14/8/2013 yang lalu, Abdel Fattah al-Sisi telah membunuh lebih dari 600 orang dan mencederakan lebih dari 5000 yang lain dalam satu tindakan jenayah yang penuh dengan niat jahat dan kebencian. Ia tidak pernah berlaku sebelum ini kecuali seperti yang pernah dilakukan oleh entiti penjenayah Yahudi. Kami menyeru kepada mereka yang amat mencintai Islam dan bercita-cita untuk melihatnya terlaksana di dalam kehidupan, agar janganlah kalian dipatuk dari lubang yang sama, dua kali! Kami menyeru kepada kalian yang telah bangkit melalui jalan demokrasi - sebuah sistem kufur yang meletakkan kedaulatan undang-undang di tangan manusia dan meminggirkan hukum Allah - dan kalian yang telah menganggapnya sebagai jalan terbaik untuk menegakkan pemerintahan Islam, sedarlah kalian, bahawa mereka yang telah menyeru dan memperhambakan dirinya kepada demokrasi telah pun berpaling menentangnya, menyalahinya dan memijaknya dengan kasut-kasut mereka. Sedangkan kalian pula masih berpegang teguh dan terdorong kepadanya. Walhal mereka itu telah pun mengisytiharkan permusuhan terhadap kalian yang mahukan Islam!

Kalian jawablah kepada mereka dengan menghinakan demokrasi yang busuk ini, dan kibarkanlah panji-panji Khilafah. Buangkanlah kata-kata "legitimasi" dan "demokrasi" ini dari kamus hidup kalian. Isytiharkanlah bahawa "kedaulatan hanyalah milik Allah dan hanyalah milik Allah!" seperti mana yang pernah dilaungkan di dalam revolusi Syria yang diberkati. Janganlah kalian berasa malu untuk meninggikan panji-panji dan bendera Nabi kalian SAW, kerana di dalamnya terletak kemuliaan dan kehormatan diri kalian! Campakkanlah bendera Sykes-Picot itu ke dalam tong sampah sejarah! Perjanjian (Sykes-Picot) ini sesungguhnya telah memecah-belahkan kalian dan mengekalkan pemisahan kalian. Ia sesungguhnya telah mengoyakkan-rabakkan umat ini sehingga menjadi entiti yang sangat menyedihkan, yang memperhambakan dirinya kepada musuh dan menghalang dari kembalinya Islam ke dalam pemerintahan. Janganlah kalian mempertaruhkan diri kalian kepada demokrasi dan musuh-musuh *deen* Allah ini dari negara kafir Barat yang sedang mengalami keruntuhan. Sebaliknya letakkanlah kesetiaan kalian kepada umat dan tunduk patuhlah kalian hanya kepada Allah SWT. Hanya Dialah yang akan menolong kalian menggapai kemenangan dariNya. Dialah Tuhan sekalian alam dan Tuhan kalian semua, sedangkan mereka tidak menjadikanNya sebagai Tuhan mereka. Kita tidak akan pernah takut dengan al-Sisi, pasukan keselamatannya serta mesin pembunuhnya. Itu semua hanya akan meningkatkan ketabahan dan ketetapan hati kita untuk terus mara demi menegakkan hukum Allah di dalam Daulah Khilafah 'ala Minhaj Nubuwwah yang bakal tertegak sedikit masa lagi...[ringkasan nasyrah daripada Sharif Zayed, Ketua Pejabat Media, Hizbut Tahrir Mesir, nasyrah penuh boleh dilayari di <http://www.khilafah.com/index.php/activism/middle-east/16733-the-believer-is-not-stung-from-the-same-hole-twice->]

[Berikut adalah terjemahan nasyrah dari Hizbut Tahrir Pusat yang disebarkan ke seluruh dunia amnya dan Mesir khususnya]

Bismillahirrahmanirrahim

Obama Mengutuk Keganasan di Mesir Padahal Dialah Yang Mendorongnya Dengan Pertumpahan Darah Dan Pembunuhan Beramai-ramai. Amerika Memanipulasi Pelbagai Urusan Di Mesir - Dari Presiden Yang Digulingkan, Kepada Presiden Yang Dipecat Sehingga Ke Presiden Yang Terlemah

Semalam 15/08/2013, Obama mengulas mengenai pembunuhan beramai-ramai yang berlaku semasa operasi pihak tentera membubarkan perhimpunan di Rabiah al-Adawiyah dan An-Nahdhah, bahawa dia mengutuk sekeras-kerasnya kejadian tragis yang berlaku dan dia juga mengutuk keganasan terhadap orang awam...Obama kemudian menambah bahawa kenyataannya ini adalah berdasarkan kepada kepentingan Amerika dan bahawa Mesir adalah "asas keamanan di Timur Tengah"...

Sesungguhnya Obama menipu dirinya sendiri sebelum dia menipu orang lain, kerana "keamanan" yang disebutkan adalah merujuk kepada penyerahan segalanya kepada entiti Yahudi, penjualan al-Aqsa dan apa yang ada di sekelilingnya serta pengesahan Perjanjian Camp David...Kutukan Obama terhadap keganasan yang dilakukan al-Sisi ke atas orang awam adalah satu pembohongan secara terang-terangan! Adakah keganasan yang dilakukan oleh rejim Mesir tersebut terlepas daripada pengaruh Amerika? Bukankah semua itu berlaku hasil sokongan Amerika dan dengan lampu hijau, sehijau-hijaunya daripada Amerika?! Adakah wujud mana-mana orang yang waras dan sedar yang tidak menyedari bahawa tangan Amerika telah terhulur ke kancas politik, ketenteraan dan ekonomi Mesir sejak berdekad lamanya? Adakah delegasi Amerika yang sentiasa keluar-masuk Mesir, apatah lagi di setiap waktu terjadinya perubahan di Mesir, hanya keluar dan masuk untuk tujuan pelancongan atau lawatan? Sedangkan delegasi

itu telah diutus secepat kilat setiap kali wujud rejim baru di Mesir dan ia selalunya terdiri daripada orang yang sangat berpengaruh, dari Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negara sehinggalah ke Kongres!...Selepas penggulingan Mubarak dan pengambil alihan pemerintahan oleh Majlis Tentera, delegasi AS datang mencurahkan-curahkan sejak awal lagi dan hal ini terus berlangsung sehingga setelah naiknya Mursi ke kerusi pemerintahan dan hal yang sama terus berulang setelah penggulingan Mursi apabila Abdel Fattah al-Sisi mengambil alih kekuasaan...

Amerika mendalangi segala episod sedih di bumi Mesir dengan berselindung di sebalik rejim yang sedia ada mahupun rejim sebelumnya...Amerika tidak memandang remeh dalam memenuhi kepentingannya untuk mencapai matlamat, tidak kira namanya Husni, Mursi atau Sisi...mereka akan dicampakkan ke tepi jika gagal memenuhi kepentingan Amerika atau gagal mempertahankan kestabilan, yang menjadi asas kekuatan pengaruh Amerika di Mesir. Perkara ini adalah amat jelas kepada semua orang yang mempunyai mata! Sungguh menyayat hati menyaksikan Mesir yang (pernah satu ketika dulu) mengalahkan tentera Salib dan tentera Tatar dan hampir melumpuhkan entiti Yahudi, menjadi sarang kepada campur tangan Amerika, pagi dan petang, semuanya kerana pengkhianatan rejim Mesir!

Wahai kaum Muslimin di bumi Mesir al-Kinanah! Musuh-musuh kalian, yang diketuai oleh Amerika dan sekutu-sekutunya serta pengikut-pengikut mereka, telah berjaya menggambarkan isu ini seolah-olah ia adalah (konflik) di antara orang-orang Islam dan kafir, walhal kalian semua adalah Muslim...Mereka juga telah berjaya menggambarkan isu ini seolah-olah ia adalah (konflik) di antara pihak yang pro negara Islam atau negara sekular, walhal tiada seorang pun daripada pemerintah Mesir, baik yang ada sekarang mahupun sebelum ini, melaksanakan sistem Islam atau memerintah dengan Islam...Akhirnya mereka (puak kuffar dan sekutu-sekutunya) telah berjaya membahagikan kalian kepada dua kumpulan, yang satu menjadi musuh penghalang yang kental dan tegar kepada yang lain, walhal untuk

berabad lamanya kalian telah hidup sebagai saudara yang saling menyayangi. Islam menjadi penjaga hak kalian tanpa perbezaan antara yang berkulit merah atau hitam, antara lelaki dan perempuan dan antara orang Islam dan bukan Islam. Apabila Rasulullah SAW berpesan kepada kaum Muslimin di Mesir dengan kebaikan, baginda juga dalam masa yang sama berpesan kepada kaum Qibthi dengan kebaikan...

Wahai kaum Muslimin di bumi Mesir al-Kinana! Sesungguhnya hal ini hanya akan selesai dengan cara sepertimana ia telah diselesaikan dahulu: Dengan menegakkan *Khilafah ala minhaj nubuwwah* yang akan menyatukan kalian pada kebenaran dan (dengan adanya) seorang Khalifah Rasyidah yang akan memimpin kalian untuk memerangi musuh kalian; seorang Khalifah yang benar-benar takut kepada Allah yang akan memimpin kalian menuju penghapusan entiti Yahudi dan mengembalikan semula Palestin -seluruh Palestin- ke dalam wilayah Islam; seorang Khalifah yang akan mematahkan tulang belakang Amerika dan sekutu serta para pengikutnya, sehingga Obama dan Eropah tidak lagi berani untuk menghulurkan tangan mereka, bahkan tidak jari sekalipun, walau hanya sedikit, ke arah tanah Mesir, agar tangan/jari tersebut tidak dipotong...Hanya selepas itu sahajalah Mesir akan kembali menjadi hebat dengan Islam, gagah perkasa dengan putera-puteranya, melimpah dengan kekayaannya (dengan) membuang segala bantuan beracun ke dalam kerongkong Amerika. Kemudian Mesir akan kembali kepada keadaan awal sebagai benteng Islam yang kukuh, merekrut tenteranya untuk jihad dan membuka tanah-tanah untuk Islam serta menyebarkan kebaikan ke semua empat penjuru bumi dan Allah Maha Agung di atas segalanya!

Wahai kaum Muslimin di bumi Mesir al-Kinana! Sesungguhnya seorang pemimpin tidak akan menipu kaumnya, sebaliknya ia akan sentiasa menolong dan menasihati mereka ke jalan yang benar. Sebagaimana kami telah menasihati puak Tantawi apabila Majlis Tentera memerintah selepas Hosni Mubarak digulingkan...sebagaimana kami telah menyampaikan nasihat kami kepada Dr. Mursi semasa dia berkuasa...kini, kami beralih menasihati pemerintah de facto Mesir sekarang, puak Abdel Fattah al-Sisi. Walaupun puak Tantawi tidak mengendahkan nasihat kami, begitu juga dengan Dr. Morsi yang tidak mengendangkannya, namun kami tidak akan berhenti dan kami ingin sampaikan pula nasihat kami kepada puak al-Sisi ini. Semua ini adalah sebagai peringatan, kerana Allah SWT berfirman, "...*sesungguhnya peringatan itu bermanfaat bagi orang-orang yang beriman*" [TMQ adz-Dzariat (51):55].

Peringatan itu datangnya dari pintu agama. Dirwayatkan oleh Muslim dari Tamim al-Dari r.a., dia berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Agama itu adalah nasihat. Kami bertanya, "Untuk siapa?" Baginda SAW menjawab, "Untuk Allah, KitabNya, RasulNya, para pemimpin kaum Muslimin dan seluruh umat Islam". Oleh yang demikian, kami ingin mengatakan - Wahai Jeneral! Darah telah membanjiri jalan-jalan di Mesir dan pembunuhan beramai-ramai semakin merebak di lapangan, sehingga ke dalam masjid-masjid sekalipun. Banyak jiwa yang terkorban, bukan akibat dari melawan entiti Yahudi untuk membebaskan al-Aqsa, tetapi kerana perlumbaan untuk mendapatkan sebuah kerusi yang bengkok kakinya, malah kerusi yang kalian rebuti itu berada di bawah kawalan Amerika dari segi berdiri atau tumbangannya! Semua darah yang tertumpah dan pembunuhan beramai-ramai yang berlaku ini tidak dapat pun membantu kalian di dunia, sebaliknya ia hanya membantu orang lain (Amerika dan sekutunya) dalam kehidupan dunia mereka dan Amerika tidak kisah pun berapa jumlah nyawa yang terkorban atau banyaknya darah yang tertumpah!

Apa yang Amerika ambil berat tentang Mesir hanyalah untuk menjadikannya sebagai pusat peluasan pengaruhnya dan sebagai batu loncatan untuk menjayakan konspirasinya, walaupun untuk itu, ia perlu menumpahkan darah ribuan demi ribuan rakyat Mesir...Jika manamana diktator menumpahkan darah namun kemudiannya gagal menstabilkan pengaruh Amerika, Amerika akan hanya mencampakkannya ke tepi dan mencari diktator lain yang akan menjual

agama dan dunianya! Lihatlah kepada orang-orang sebelum kamu, seperti Mubarak yang telah menjaga kepentingan Amerika di Mesir. Dia telah dibiarkan terkantong-kanting apabila revolusi 25 Disember mengejutkan Amerika dan Mubarak gagal membunuh lebih banyak manusia untuk memadamkan revolusi tersebut...kemudian muncul pula Mursi...sekarang kamu (al-Sisi) sedang berjalan di jalan yang sama! Amerika tidak akan meninggalkan kamu sehingga kamu membunuh dan terus membunuh demi memelihara kestabilan dan pengaruhnya...tiba-tiba kamu akan mendapati diri kamu berada dalam jejak yang sama sebagaimana pendahulu kamu, Husni dan Mursi, seperti yang dikehendaki oleh politik Amerika!

Sesungguhnya pembunuhan adalah satu dosa besar. Ibn Majah r.a. telah meriwayatkan daripada Abdullah Ibn Umar r.a. yang berkata, "Aku melihat Rasulullah SAW tawaf mengelilingi Kaabah dan baginda bersabda, 'Alangkah indahnya kamu, alangkah harumnya aromamu dan alangkah agungnya kehormatanmu! Demi Zat yang jiwa Muhammad ada di genggamannya, sungguh kehormatan seorang Mukmin itu lebih agung di sisi Allah dari kehormatanmu, begitu juga dengan harta dan darahnya dan kami tidak berprasangka kepadanya kecuali dengan baik.'"

Wahai Jeneral! Jadilah lebih bijak dan lebih sedar daripada pendahulu kamu dengan menerima nasihat kami, apatah lagi kamu mempunyai latar belakang Islam sepertimana yang tercatat dalam penulisan kamu pada tahun 2006 semasa kamu belajar di Akademi Tentera Darat Amerika Syarikat di Pennsylvania. Sesungguhnya kamu tidak akan terbebas dari keaiban dalam kehidupan ini atau azab di akhirat, melainkan jika kamu memutuskan tali penghubung Amerika-Mesir, menegakkan Khilafah dan membantu orang-orang yang berjuang menegakkannya, bagi membolehkan Mesir kembali menjadi pusat Khilafah di dunia ini. Mungkin ini akan menebus dosa-dosa kamu yang banyak itu dan membuatkan Allah SWT, RasulNya SAW dan kaum Mukminin, bersama dengan kamu.

Sesiapa yang menjadikan hal ini (menegakkan Khilafah) sebagai usahanya, (semoga) Allah menerima (amalNya) di bumi dan meredhainya di langit. Sesungguhnya tidak ada yang dapat menakutkan mereka (para pejuang Khilafah ini), baik Amerika mahupun Eropah, mahupun talibarut dan pengikut mereka. Jika kamu tidak berbuat demikian, maka tali penghubung Amerika-Mesir akan terus kekal dan pertumpahan darah akan terus berlaku demi menyenangkan Amerika. Kemudian kamu akan kehilangan akhirat kamu dan kamu juga tidak akan mendapat dunia kamu dan itulah kerugian yang sangat nyata! Kamu pastinya telah membaca hadis Rasulullah SAW, "Siapa sahaja yang menyenangkan manusia dengan kemurkaan Allah, maka Allah akan menyerahkannya kepada manusia (tidak membantunya) dan siapa sahaja yang menimbulkan kemarahan manusia dengan keredhaan Allah, maka Allah akan mencukupkannya dari (bantuan) manusia" [HR at-Tirmidzi dan Abu Na'im]. Sungguh sangat berbeza orang yang Allah serahkannya kepada manusia dengan orang yang Allah cukupkan baginya pertolongan manusia.

Ini adalah nasihat yang ikhlas semata-mata kerana Allah. Kami tidak mengharapkan daripada kamu sebarang pembalasan atau penghargaan. Apa yang kami minta adalah pencegahan keriangangan golongan kuffar, agen mereka dan semua musuh Islam ketika mereka tertawa besar melihat kehancuran Mesir yang agung, di tangan putera-putera Mesir sendiri demi melayani kaum kafir penjajah, *inna lillahi wa inna ilaihi raaji'un!*

Ingatlah, bukankah kami telah menyampaikan? Ya Allah! Saksikanlah
Ingatlah, bukankah kami telah menyampaikan? Ya Allah! Saksikanlah
Ingatlah, bukankah kami telah menyampaikan? Ya Allah! Saksikanlah

Hizbut Tahrir
9 Syawal 1434H
16 Ogos 2013M